

# Perluaskan pengaruh silat: Menteri Besar

SEREMBAN, Ahad — Pertubuhan dan badan seni mempertahankan diri terutama seni silat Melayu hendaklah berusaha meningkatkan kemajuan silat di peringkat yang lebih tinggi bagi mengekalkan kedudukannya sebagai satu tradisi hidup masyarakat Melayu.

Menteri Besar, Datuk Haji Mohd Isa Abdul Samad berkata langkah yang harus diutamakan ialah memperluaskan pengaruh seni silat di semua peringkat masyarakat terutama generasi muda.

Ketika berucap merasmikan kejohanan silat olah-raga keempat peringkat negeri di sini petang semalam, beliau berkata kesinambungan keanggotaan silat amat perlu bagi menjamin populariti dan kemajuan seni mempertahankan diri.

"Badan-badan yang mendokong seni silat ini hendaklah berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan ahli-ahli baru supaya tahap popularitinya akan terus bertahan bagi jangka masa yang panjang," tambahnya.

Menteri Besar bimbang jika tidak ada usaha yang dijalankan, seni warisan nenek moyang orang Melayu akan tenggelam oleh arus kemajuan semasa kerana anak-anak muda akan lebih meminati kegiatan sosial yang tidak berfaedah.

Menurutnya, kecemerlangan sejarah tidak akan bertahan lama jika pemimpin persatuan seni silat gagal meningkatkan lagi pencapaian persatuan yang diwakilinya.

Datuk Haji Mohd Isa berkata kerajaan sentiasa menggalakkan beliau menyertai bidang sukan dan riadah ke arah melahirkan generasi yang bertenaga dan berkebolehan tinggi.

**4 APR 1988**  
**Penyertaan**

"Penyertaan anak-anak muda dalam bidang seumpama ini secara tidak langsung akan mendidik mereka untuk lebih berdisiplin dan dapat menyempurnakan tugas masing-masing ke arah kemajuan negara yang lebih menyeluruh," katanya.

Menteri Besar yakin kejohanan seumpama ini akan dapat melahirkan bakat-bakat baru yang boleh diketengahkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Ini akan hanya dapat dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak termasuk peserta, badan-badan yang mempopularkannya di samping pengikut dan penggemar warisan seni budaya di seluruh negara," kata beliau. — NORAINI NORDIN.